

# Dadah jejas institusi kekeluargaan

UB 16.3.2018 A14

**MEMBAKUT:** Pengaruh dadah boleh menjejaskan institusi kekeluargaan dan memusnahkan masa depan individu yang terlibat, kata Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Haji Mohd Arifin Haji Mohd Arif.

Beliau berkata, orang ramai harus menghindari musuh nombor satu negara itu yang nyata mampu memberi pelbagai kesan negatif kepada mereka yang terlibat dan masyarakat di sekelilingnya.

"Justeru, saya berharap agar semua belia di daerah ini dapat mengelakkan daripada penyalahgunaan najis dadah ini," katanya ketika merasmikan Program Komuniti Pelajar di Dewan Masyarakat Pekan Membakut.

Arifin yang juga Adun Membakut berharap agar pihak Universiti



**ARIFIN** menyampaikan sijil kepada peserta.

Malaysia Sabah (UMS) dapat meneruskan program sedemikian di daerah ini pada masa-masa akan datang.

Program yang bertemakan 'Kami Menentang Dadah' anjuran Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS

melalui pelajar Speciality Programme for Alcohol and Drug Abuse (SPADA) dengan kerjasama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) dan Kedai Motor Hin Lee di sini.

Program yang dihadiri 300 belia Membakut turut diisi dengan sesi pameran anti dadah dan beberapa slot ceramah termasuk ceramah bertajuk Penyalahgunaan Syabu yang disampaikan Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS Prof Madya Dr Mohd Nazri Mohd Daud.

Hadir sama, Pengarah SPADA UMS Mejar Ismail Merah, Penolong Pegawai Daerah Membakut merangkap Pengerusi Pemadam Daerah Membakut Hj Sanudin Hj Ismail, Pengarah Bersama Perhimpunan Membakut Chiam Moi Fah serta ketua-ketua daerah dan kampung sekitar Membakut.



**ARIFIN** berucap merasmikan majlis itu.